

13 DEC 2001

Mahathir-Tiba (Bergambar)

PERDANA MENTERI TIBA UNTUK BERBUKA PUASA DI JITRA

ALOR SETAR, 13 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini petang ini untuk berbuka puasa bersama penduduk di Masjid Al-Aqla di Jitra.

Ketibaan beliau di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas disambut Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, barisan anggota Exco kerajaan negeri dan pemimpin serta anggota parti komponen Barisan Nasional (BN) negeri.

Perdana Menteri yang diiringi isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali kemudian mengunjungi Hospital Jitra untuk menyampaikan sumbangan kepada pesakit di hospital itu.

Sebelum itu, semasa berehat sebentar di bilik Bunga Raya lapangan terbang berkenaan, Dr Mahathir mendapat kejutan apabila menerima memorandum daripada kumpulan pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM) yang menyatakan sokongan terhadap kerajaan di bawah kepimpinan beliau.

Penyerahan memorandum sokongan itu, pertama kali sejak penubuhan UUM pada 1984, adalah berikutan timbul isu-isu yang mengaitkan pelajar institut pengajian tinggi di negara ini dengan kegiatan anti-kerajaan dan gerakan bawah tanah.

Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar UUM, Shamsuhardi Basir mengetuai empat lagi anggota kepimpinan majlis itu, menyerahkan memorandum berkenaan kepada Dr Mahathir.

Menurut Shamsuhardi, semasa menerima memorandum itu, Perdana Menteri mengingatkan mereka dan seluruh pelajar UUM supaya mengutamakan pelajaran daripada menumpukan kepada kegiatan politik.

Dr Mahathir menasihatkan mereka demikian kerana ramai pelajar sekarang terlibat dengan kegiatan politik yang tidak menguntungkan mereka, katanya.

Menurut Shamsuhardi, mereka telah berjanji di hadapan Perdana Menteri untuk belajar dengan tekun serta akan menyampaikan amanatnya kepada pelajar-pelajar lain UUM dan berazam akan mengenenpikan kegiatan politik yang merosakkan pelajaran mereka.

-- BERNAMA

ZA RON